

08 APR 2001

PATA-PASARAN

PASARAN PENGEMBARAAN AMERIKA PATA AKAN TARIK 700 PERWAKILAN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, April 8 (Bernama) -- Lebih daripada 700 wakil dijangka menyertai di dalam Pasaran Pengembaraan Amerika tahunan ke-6 Persatuan Pengembaraan Asia Pasifik (PATA) di Mexico.

Pengurus bagi Keanggotaan dan Penerbitan PATA Khanitha Jarukirati berkata persidangan empat hari itu adalah untuk mempromosi Amerika Utgaran dan Selatan kepada rantau Asia Pasifik.

Pasaran Pengembaraan itu bertema "Menjual Americas kepada Asia Pasifik" akan diadakan di Mexico City dari 25 Sept untuk mempromosi tiga negara anggota PATA di kawasan Americas, iaitu Kanada, Mexico dan AS.

"Di samping mempromosikan rantau Asia Pasifik, kami juga mahu mempromosi Americas bagi faedah bersama," beliau memberitahu Bernama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), tempat persidangan tahunan ke-50 PATA.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan lima hari itu esok.

Pasaran pengembaraan itu akan memberikan para peserta peluang-peluang untuk brangkai dengan penyedia-penyedia berkaitan pengembaraan dan jgua sebagai kedai sehenti bagi semua perniagaan berkaitan pengembaraan dengan pelbagai penyedia di ketiga-tiga negara itu seluruhnya.

Satu brosur yang dikeluarkan oleh PATA mengenai Pasaran Pengembaraan Amerika itu berkata bahawa sejak pemulihan ekonomi Asia, Asia Pasifik telah melihat perkembangan yang hebat bilangan pelancong keluar apabila pengguna-pengguna menyambung tabiat pengembaraan mereka.

"Laporan-laporan menunjukkan bahawa Amerika Utara masih lagi destinasi pelancong diutamakan bagi sebahagian besar pasaran-pasaran sumber keluar pelancong Asia," kata brosur itu.

Jarukirati juga berkata bahawa PATA akan menyertai di dalam kira-kira 17 pasaran pengembaraan dan pameran sepanjang tahun ini.

Ini termasuk Pasaran Pengembaraan Dunia Arab di Dubai (Mei), The World Route Development Forum di Dublin, Ireland (September), Pameran Pengembaraan Mediterranean (September), Pasaran Pengembaraan CIS di St Petersburg, Russia (Oktober), Tour Salon in Poznan, Poland (Oktober) dan Pasaran Pengembaraan Dunia di London (November).

Jarukirati berkata bahawa PATA akan mendirikan gerai-gerai atau astaka di pasaran-pasaran pengembaraan itu dan anggota-anggotanya dipelawa menyertainya.

"Dengan ini, mereka boleh mengurangkan perbelanjaan," katanya.

Ditubuhkan pada 1951, PATA mempunyai 44 negara anggota dengan 2,000 anggota daripada sektor awam dan swasta seperti syarikat penerbangan, lapangan terbang, pelayaran pelancong, hotel, universiti dan pengusaha-pengusaha pelancongan. -- BERNAMA

RV MKO FR OS